

Sektor perhotelan, perniagaan, pekerjaan berkembang pesat

PENGARAH Urusan Holiday Villa Hotel & Suites, Alor Setar, Azhar Mohammad, berkata projek Landasan Keretapi Berkembar Elektrik (PLBE) dengan hentian di Alor Setar dan Anak Bukit, sudah terbukti melonjakkan sektor perhotelan di bandaraya itu dengan kadar penginapan meningkat sehingga 15 peratus sejak projek berkenaan bermula pada 2007.

"Kadar penginapan kita meningkat sehingga 55 peratus apabila ramai yang terabit dengan projek ini seperti jurutera, kontraktor dan perunding tinggal di Holiday Villa untuk bermesyuarat dan menghadiri konvensyen. Kesan ini turut dirasakan pengusaha 13 hotel lain di Alor Setar.

"Kedah menawarkan destinasi menarik untuk dikunjungi seperti Gunung Jerai, Muzium Padi dan Lembah Bujang yang lebih besar daripada Angkor Watt di Siem Reap. Sebaik PLBE siap, dijangka dua hingga tiga lagi hotel bertaraf empat dan lima bintang dibina bagi menampung jumlah pelancong dari Bangkok, Singapura dan Lembah Klang," katanya.

Perkembangan sektor perhotelan turut membuka peluang pekerjaan kepada penduduk di sekitar Alor Setar dan Sungai Petani yang kini kebanyakan bekerja dalam industri perkilangan di Pulau Pinang.

Kontraktor Kelas E tempatan turut mendapat faedah apabila dilantik untuk melakukan kerja pembinaan seperti terowong, jambatan jalan, sungai, kuarters KTMB, kerja menaik taraf stesen dan sebagainya sekali gus turut memberi pengalaman berharga bekerja dengan pakar pembinaan daripada syarikat besar lain.

Abdul Razak Din dari Zaaz Utara Enterprise diberi kepercayaan membina tembok penahan sejauh 1.2 kilometer di Taman Golf, pagar tembok sejauh 120 meter di Jalan Sultanah dan kerja pembaikan sungai di Taman PKNK, mampu menjana pendapatan mencecah RM1.6 juta.

"Pembabit syarikat kami memberi pengalaman baru terutama dari segi sistem keselamatan kerana kontraktor kecil seperti kami jarang terdedah kepada sistem ini dan mempelajari teknologi penstabilan



Azhar Mohammad

tanah yang baru. Bukan itu saja, PLBE mewujudkan peluang perniagaan kepada kontraktor kecil seperti kami yang lazimnya sukar mendapat projek swasta," katanya.

Halimahtun Saadiah Mat Isa, 38, yang menjalankan perniagaan Tat Nasi Ayam di Taman Pandan turut merasakan tempias projek PLBE apabila restorannya yang terletak berhampiran pejabat MMC-Gamuda menjadi perhatian kakitangan di situ sehingga berkembang maju.

Bermula hanya secara kecil-kecilan sejak sembilan tahun lalu, Halimahtun kini mampu memiliki restoran lebih besar dengan keupayaan menjual 150 ekor ayam atau 750 pinggan nasi ayam dalam sehari pada harga serendah RM3 sepinggan.

"Hampir 90 peratus pelanggan saya adalah pekerja di MMC-Gamuda yang datang untuk makan tengah hari dan malam di sini. Dulu kami berniaga di kedai agak kecil tetapi sejak pejabat mereka dibuka tiga tahun lalu, permintaan semakin meningkat dan saya berpindah ke restoran ini," katanya.



HALIMAHTUN (berdiri) mengukol pelanggannya meningkat berlipat kali ganda sejak bermulanya projek PLBE.

